

## **Tiga Cadangan Persatuan Kami Kepada Pihak Kerajaan Negeri Kedah**

### **1.1 Cadangan Mengenai Pengagihan Tanah Rizab Sekolah Kepada Semua Aliran Sekolah Untuk Tujuan Pembinaan Sekolah**

Persatuan kami mencadang supaya pihak Kerajaan Negeri Kedah, dalam aspek perancangan bandar dan desa dan perancangan guna tanah, melaksanakan satu sistem perancangan dan pembinaan sekolah yang meliputi semua aliran sekolah bukan keuntungan (*non-profit*) supaya tanah rizab sekolah di setiap taman perumahan boleh digunakan untuk membina sekolah mana-mana aliran sekolah yang diperlukan oleh penduduk setempat, termasuk Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Sekolah Menengah Persendirian Cina yang bersifat bukan keuntungan.

Untuk tujuan di atas, persatuan kami mencadangkan supaya pihak Kerajaan Negeri Kedah mengkaji semula dan meminda rancangan struktur/pelan struktur (*structure plan*), rancangan tempatan/pelan tempatan (*local plan*) dan garis panduan perancangan sekolah.

### **1.2 Cadangan Pengurangan Cukai Tanah Sekolah di Negeri Kedah**

Persatuan kami berharap kadar cukai tanah yang dikenakan ke atas semua aliran sekolah bukan keuntungan (*non-profit*) di Negeri Kedah, termasuk Sekolah Menengah Persendirian Cina, dapat ditetapkan pada satu kadar nominal RM 1 (Ringgit Satu sahaja) setahun bagi setiap hakmilik, manakala bayaran jumlah tunggakan cukai tanah berkenaan yang sedia ada dikurangkan kepada kadar nominal RM 1 (Ringgit Satu sahaja) setiap tahun.

### **1.3 Cadangan Mempercepatkan Pemberian Peruntukan Kewangan Tahunan Kepada Sekolah Menengah Persendirian Cina di Negeri Kedah**

Persatuan kami mencadang supaya dalam belanjawan tahunan, pihak Kerajaan Negeri Kedah mengadakan sejumlah peruntukan kewangan kepada Sekolah Menengah Persendirian Cina di negeri Kedah untuk pembangunan sekolah-sekolah tersebut dan membeli kelengkapan yang diperlukan.

Jika Kerajaan Negeri Kedah boleh memperuntukkan sebidang tanah yang mencukupi untuk dimajukan supaya hasilnya digunakan semata-mata untuk membiayai perbelanjaan Sekolah Menengah Persendirian di negeri Kedah, ini akan dapat menyelesaikan masalah kewangan sekolah-sekolah ini secara jangka panjang.